



PENUH MINAT: Abdullah mendengar penerangan daripada Pengarah Hal Ehwal Korporat dan undang-undang Tesco Stores (M) Sdn Bhd, Azlam Shah Alias mengenai barang tempatan yang dijual di Pasar besar Tesco selepas majlis menandatangani MoU, di Ipoh, semalam.

IKHWAN MUNIR | BERTTA HARIAN

Tingkat mutu untuk muncul hab halal: PM

Usahawan tempatan perlu biasakan diri budaya kecemerlangan

Oleh Ridzuan Yop dan Mohd Hamizar Hamid

IPOH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu usahawan tempatan meningkatkan kualiti barang dan perkhidmatan mereka jika mahu melihat usaha menjadikan negara sebagai hab halal menjadi kenyataan.

Perdana Menteri berkata, tiada gunanya kerajaan mengadakan pelbagai publisiti dan promosi untuk menjadi hab halal tetapi pada masa sama barang serta perkhidmatan disediakan berkualiti rendah.

Beliau berkata, selain barang dan perkhidmatan halal, paling penting berkualiti tinggi dan dapat bersaing dengan produk lain pada peringkat antarabangsa.

"Malah, barang serta perkhidmatan berkualiti ditawarkan usahawan tempatan bukan saja dapat dijual di rantau ini, malah di seluruh dunia termasuk negara maju.

"Oleh itu, usahawan tempatan per-

lu membiasakan diri dengan budaya mementingkan kualiti, walaupun dikeluarkan sebuah syarikat kecil," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Kerajaan Perak, Meranti Tiga Sdn Bhd (Meranti Tiga) dan Tesco Stores (M) Sdn Bhd.

Turut hadir Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali.

Mengikut perjanjian itu, Kerajaan Perak akan menyediakan barang makanan dan industri asas tani kepada Tesco berjumlah RM100 juta untuk tempoh lima tahun akan datang dan Meranti Tiga pula akan melabur sebagai pusat pengedaran barangan segar bernilai RM50 juta bagi tujuan sama.

Abdullah berkata, menjadi hasrat kerajaan untuk menjadi hab halal bagi barang seluruh dunia seperti dirangka dalam Rancangan Malaysia

Kesembilan (RMK-9).

Sementara itu, pada sidang media, Abdullah berkata, inisiatif memabitkan Tesco akan menjadi pemangkin kepada perkembangan industri halal di negara ini serta meningkatkan keupayaan barang halal keluaran tempatan untuk dieksport ke pasaran dunia.

Mengenai lawatannya ke Perak, Abdullah berkata, ia memberikan kesempatan kepada beliau melihat dari dekat pelbagai projek bioteknologi

yang dapat meningkatkan pendapatan rakyat.

Beliau berkata, semua projek dilaksanakan itu dimulakan oleh swasta yang akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan serta peningkatan pendapatan penduduk di Perak.

"Bagi pegawai kerajaan, ahli politik dan Exco pula sentiasa saya tegaskan iaitu jika tidak ada perancangan baik dan rapi, mungkin segala projek akan menemui kegagalan.

"Saya berharap kerajaan negeri sentiasa berusaha bersungguh-sungguh bagi menjadikan Perak sebagai negeri termaju di Malaysia, termasuk dalam pengeluaran makanan," katanya.

Mengenai syarikat berkaitan kerajaan (GLC), Abdullah berkata, kerajaan berharap syarikat terbabit lebih berjaya pada masa depan kerana mereka mempunyai peranan besar dalam pembangunan ekonomi negara.

FAKTA NOMBOR

RM100j

Nilai kontrak antara Kerajaan Perak dan Tesco

RM50j

Pelaburan Meranti Tiga